KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my
E-mel : pkpk@kedah.gov.my

KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : Bil (19) P.Kw.N(K) 1503/F Jld 2
Tarikh : 28 Rabiulawal 1448H
10 September 2026

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YB Dato' Seri/ SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN TINDAKAN PENDAFTARAN ASET ALIH HAK MILIK KERAJAAN NEGERI KEDAH TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Peringatan ini dikeluarkan bertujuan menyelaraskan kawalan garis masa tindakan jabatan, memandangkan tempoh penutupan akaun bagi Tahun Kewangan 2026 semakin hampir. Langkah ini penting bagi memastikan semua aset yang telah dijelaskan bayarannya di bawah peruntukan Bajet 2026 didaftarkan tepat pada masanya, sekali gus mengelakkan sebarang ketidaktepatan dalam penyediaan Laporan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) serta Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

3. Sehubungan dengan itu, bagi menjamin kelancaran urusan penutupan akaun akhir tahun, pihak jabatan diminta mengambil tindakan sewajarnya seperti ketetapan berikut:

i. Penyelesaian Perolehan – Peruntukan bagi semua Kod 30000 (Aset) kini dibekukan, kecuali bagi urusan yang telah selesai, sedang dalam proses perolehan, atau telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Pesanan Tempatan (LO) hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada **30 September 2026 (Rabu)**. Selaras dengan Para 2.1.3, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bilangan 1 Tahun 2026 bertarikh 09 September 2026, setiap aset yang diterima wajib didaftarkan ke dalam sistem iSPEKS dalam tempoh **14 hari**.

ii. Pendaftaran Aset - Pendaftaran hendaklah disempurnakan melalui sistem iSPEKS. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kekangan teknikal pada modul berkaitan, pendaftaran manual hendaklah dilaksanakan serta-merta mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA: AM 2.3) dengan menyedia dan mengemas kini Borang KEW.PA-3 atau KEW.PA-4, selaras dengan arahan PKPK melalui rujukan Bil (17) P.Kw.N(K)1503/F Jld 2 bertarikh 24 Jun 2026 dan juga Bil (13) P.Kw.N(K) 1668 bertarikh 27 Julai 2021.

iii. Kemukakan Bukti Pendaftaran – Jabatan yang telah menyempurnakan pendaftaran aset alih diminta mengemukakan maklum balas dengan mengisi templat Status Pendaftaran Aset Alih Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2026 melalui kod QR yang disediakan (Lampiran A). Kegagalan pihak jabatan mematuhi arahan pendaftaran ini boleh menjejaskan pertimbangan bagi permohonan perolehan aset jabatan untuk Tahun 2027.

iv. Tarikh Akhir Pendaftaran Aset - Urusan pendaftaran dan pengemaskinian maklum balas seperti pada para ii, bagi keseluruhan aset alih yang diterima hendaklah diselesaikan sepenuhnya selewat-lewatnya pada **19 November 2026 (Khamis)**.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan terus kepada Unit Aset Negeri di talian 04-702 7742 (Puan Rogayah binti Ahmad), 04-702 7758 (Puan Umi Umairah binti Ahmad Supi / Cik Nur Afiqah binti Azizan) / 04-702 7749 (Encik Muhammad Affuan Bin Affuan). Kerjasama dan keprihatinan pihak YB Dato' Seri/ SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan dalam memastikan ketetapan ini dipatuhi amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"**
**"THE GREATER KEDAH"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' DR. NADZMAN BIN MUSTAFFA DSDK., SDK., AMK., BCK.)**
Pegawai Kewangan Negeri Negeri Kedah Darul Aman.
Kedah Darul Aman.
☎04-702 7757/7758/7759 ✉ pkpk_perolehanaset@kedah.gov.my
Uuas/pendaftaranaset/fail2026



Experience KEDAH

Ruj. Kami : Bil (19) P.Kw.N(K) 1503/F Jld 2
Tarikh : 10 September 2026

**SENARAI EDARAN**

1. Yang Berhormat
Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
Kedah Darul Aman

2. Setiausaha Sulit Kepada
Kebawah DYMM Tuanku Sultan Kedah Darul Aman
Pejabat KDYMM Tuanku Sultan Kedah
Aras 2, Blok A, Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
Kedah Darul Aman

3. Sohibus Samahah
Dato' Paduka Mufti Negeri Kedah
Jabatan Mufti Negeri Kedah
Aras 3, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar
Kedah Darul Aman

4. Yang Amat Arif
Dato' Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
06550 Alor Setar
Kedah Darul Aman

5. Yang Berbahagia Dato'
Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah Darul Aman
Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah Darul Aman
Wisma Negeri, 05576 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Ruj. Kami : Bil (19) P.Kw.N(K) 1503/F Jld 2
Tarikh : 16 September 2026

6. Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri
Kedah Darul Aman
Bangunan Wan Mat Saman
05676 Alor Setar
Kedah Darul Aman

7. Pegawai Daerah Kota Setar
Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar
Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar,
Persiaran Jubli Emas,
Jalan Suka Menanti,
05150 Alor Setar
Kedah Darul Aman

8. Pegawai Daerah Kuala Muda
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda
08000 Sungai Petani
Kedah Darul Aman

9. Pegawai Daerah Kulim
Pejabat Daerah dan Tanah Kulim
09000 Kulim
Kedah Darul Aman

10. Pegawai Daerah Langkawi
Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi
07000 Kuah, Langkawi
Kedah Darul Aman

11. Pegawai Daerah Kubang Pasu
Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu
06000 Jitra
Kedah Darul Aman

12. Pegawai Daerah Baling
Pejabat Daerah dan Tanah Baling
09100 Baling
Kedah Darul Aman

13. Pegawai Daerah Padang Terap
Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap
06300 Kuala Nerang
Kedah Darul Aman

Ruj. Kami : Bil (19) P.Kw.N(K) 1503/F Jld 2
Tarikh : 10 September 2026

14. Pegawai Daerah dan Tanah Sik
Pejabat Daerah dan Tanah Sik
08200 Sik
Kedah Darul Aman

15. Pegawai Daerah Yan
Pejabat Daerah dan Tanah Yan
06910 Yan
Kedah Darul Aman

16. Pegawai Daerah Bandar Baharu
Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu
09800 Serdang
Kedah Darul Aman

17. Pegawai Daerah Pendang
Pejabat Daerah dan Tanah Pendang
06720 Pendang
Kedah Darul Aman

18. Pegawai Daerah Pokok Sena
Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena
06400 Pokok Sena
Kedah Darul Aman

19. Setiausaha
Pejabat Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman
Aras 4, Blok E,
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
Kedah Darul Aman

20. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman
Aras 1, Blok E,
Wisma Darul Aman.
05503 Alor Setar
Kedah Darul Aman

21. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri
Kedah Darul Aman
Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Ruj. Kami : Bil (19) P.Kw.N(K) 1503/F Jld 2
Tarikh : 10 September 2026

22. Pengarah
PLANMalaysia@Kedah
(Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Kedah Darul Aman)
Tingkat 10, Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
Kedah Darul Aman

23. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
Kedah Darul Aman
Tingkat 7, Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
Kedah Darul Aman

24. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman
Telok Chengai, Jalan Kuala Kedah
06600 Kuala Kedah
Kedah Darul Aman

25. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
Kedah Darul Aman
Jalan Datuk Kumbar
05300 Alor Setar
Kedah Darul Aman

26. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri
Kedah Darul Aman
Tingkat 8, Bangunan Sultan Abdul Halim
05300 Alor Setar
Kedah Darul Aman

27. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
Aras Bawah, Blok C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar
Kedah Darul Aman

28. Pengarah
Jabatan Pendakwaan Syariah
Negeri Kedah Darul Aman
Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05150 Alor Setar
Kedah Darul Aman.